

17/04/2000

237 calon rebut pelbagai jawatan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Seramai 237 calon, termasuk 77 daripada Pergerakan Pemuda Umno dan 67 lagi Wanita, dijangka bertanding merebut pelbagai jawatan dalam pemilihan parti bulan depan.

Bagaimanapun, jumlah itu dijangka berkurangan apabila ada calon mungkin menarik diri atau selepas kesahihan pencalonan mereka ditapis oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang bermesyuarat setiap Rabu.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang akan dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok, juga dijangka membincangkan persiapan untuk perhimpunan agung selama tiga hari bermula 11 Mei.

Pergerakan Pemuda dan Wanita akan mengadakan perhimpunan agung sehari sebelum itu, 10 Mei, yang dijangka dirasmikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mesyuarat MT esok turut dijangka membincangkan kekecohan persidangan perwakilan Umno Bandar Tun Razak malam kelmarin iaitu bahagian terakhir daripada 165 bahagian yang menyelesaikan mesyuarat.

Jawatan presiden dan timbalan presiden tidak ditandingi selepas Dr Mahathir dan Abdullah menang tanpa dicabar. Turut menang tanpa bertanding ialah Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pemuda.

Bagaimanapun, saingan sengit dijangka berlaku bagi perebutan tiga jawatan naib presiden, 25 jawatan MT, ketua dan naib ketua Wanita serta naib ketua Pemuda.

Sepuluh calon dijangka merebut jawatan naib presiden tetapi salah seorang daripadanya, Tengku Razaleigh Hamzah belum membuat keputusan sama ada untuk bertanding atau tidak. Pada pemilihan 1996, seramai tujuh calon bertanding jawatan naib presiden.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob baru-baru ini berkata mereka yang dicalonkan diminta memaklum kepada ibu pejabat parti sama ada bersetuju mengenai pencalonan itu sehingga hari ini.

Difahamkan, ibu pejabat Umno dijangka menerima sebahagian besar borang penerimaan pencalonan itu, esok selepas ia menghantar surat tawaran kepada mereka yang dicalonkan.

Semua calon pergerakan Wanita yang layak bertanding pula diberi tempoh seminggu sehingga Khamis ini untuk menghantar borang penerimaan pencalonan.